

BH 14/12/19

[FOTO NIK HARIFF HASSAN /BH]



Wan Shalihudin ketika sidang media pelancaran Cabaran TSM, di Kuala Lumpur, semalam.

# Golf TSM gilap bakat muda

**Kuala Lumpur:** Selepas tiga tahun menghilang, akhirnya Cabaran Tan Sri Muhyiddin (TSM) yang satu ketika pernah menjadi 'kilang' dalam melahirkan ramai pemain golf negara kembali diadakan pada 25 hingga 28 Mac ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kejujutan, Datuk Wan Shalihudin Wan Ibrahim berkata menjelang edisi ke-11 saingan, pihaknya terus komited dalam melahirkan pemain muda amatir yang disegani.

"Kejujutan ini bertujuan menggilap bakat muda golf tertumpu kepada pemain berusia bawah 21 tahun dengan syarat utama pemain tempatan yang berminat menyertai kejujutan ini perlu berada dalam Ranking Golf Amatir Dunia (WAGR).

### Golf Amatir Dunia

"Tidak banyak perubahan selain menjadikan TPC Kuala Lumpur sebagai gelanggang pertandingan kali ini berbanding tradisinya di Kelab Golf

Glenmarie," katanya dalam sidang media pelancaran Cabaran TSM, semalam.

Setakat ini, Wan Shalihudin mengesahkan seramai 12 pemain remaja lelaki negara dan enam bagi wanita akan mengambil bahagian dalam kejujutan yang menawarkan hadiah keseluruhan RM100,000 berupa biasiswa untuk menjalani latihan di akademi terpilih.

Juara kategori lelaki akan membawa pulang hadiah bia-

siswa RM25,000 manakala tempat kedua RM15,000 dan RM10,000 (ketiga). Bagi wanita pula juara menerima sebanyak RM20,000, kedua (RM10,000) dan ketiga (RM5,000).

Antara nama besar pemain tempatan yang lahir daripada kejujutan mula dianjurkan pada 2006 itu adalah Ainil Johari Bakar, Nur Durriyah Damiran serta Gavin Kyle Green yang kini menjadi pemain profesional bertaraf dunia.